

**MESUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(II)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

14. Taska, Tadika, Pusat Jagaan Kanak-kanak, Pusat Jagaan Orang Tua, Pusat Jagaan Ibu selepas bersalin di Pulau Pinang semakin bertambah.
- (a) Sila nyatakan semua yang berlesen dan tidak berlesen di MBPP dan MBSP.
- (b) Apakah cadangan untuk mengatasi kategori yang tidak berlesen?

**YB. CHONG ENG
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. (a) Statistik Taska, Tadika, Pusat Jagaan Kanak-kanak, Pusat Jagaan Orang Tua, Pusat Jagaan Ibu Bersalin yang berlesen dan tidak berlesen di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah seperti di jadual berikut:

Premis	Berlesen	Tidak Berlesen
Taska	47	5
Tadika	93	180
Pusat Jagaan Kanak-Kanak	5	25
Pusat Jagaan Orang Tua	10	47
Pusat Jagaan Ibu Bersalin	0	42
Jumlah Keseluruhan	155	299

Statistik Taska, Tadika, Pusat Jagaan Kanak-kanak, Pusat Jagaan Orang Tua, Pusat Jagaan Ibu Bersalin yang berlesen dan tidak berlesen di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah seperti di jadual berikut:

Premis	Berlesen	Tidak Berlesen
Taska	77	28
Tadika	247	4
Pusat Jagaan Kanak-Kanak	70	40
Pusat Jagaan Orang Tua	17	13
Pusat Jagaan Ibu Bersalin	9	2
Jumlah Keseluruhan	420	87

- (b) Setakat ini, kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menjalankan pelbagai kaedah untuk mengatasi kategori yang tidak berlesen seperti berikut:
- (i) Menubuhkan *Task force* khas bagi mengenalpasti aduan Taska, Tadika, Pusat Jagaan Kanak-kanak, Pusat Jagaan Orang Tua, Pusat Jagaan Ibu Bersalin yang tidak berdaftar mengikut daerah;
 - (ii) Mewujudkan kerjasama antara Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk mengenalpasti Taska, Tadika, Pusat Jagaan Kanak-kanak, Pusat Jagaan Orang Tua, Pusat Jagaan Ibu Bersalin yang berdaftar dengan SSM tetapi tidak berdaftar dengan pihak Jabatan Pendaftaran Negara;
 - (iii) Mempermudahkan proses dan mengurangkan kos kelulusan permohonan Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan melalui penambahbaikan terhadap Garis Panduan Menukar Kegunaan Kediaman Ke Tadika / Taska / Pusat Jagaan Kanak-Kanak;
 - (iv) Mengadakan sesi taklimat Garis-Garis Panduan Menukar Kegunaan Kediaman Ke Tadika / Taska / Pusat Jagaan Kanak-Kanak dengan menjemput semua pengusaha taska dan pusat jagaan yang tidak berlesen dan tidak mempunyai kelulusan Kebenaran Merancang; dan
 - (v) Menjalinkan kerjasama dengan jabatan/agensi luar seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui penyampaian sesi taklimat di dalam penganjuran Program Jom Daftar peringkat negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah tersebut masih tidak dapat mengatasi kategori yang tidak berlesen. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri sedang menyediakan satu Garis Panduan Penubuhan Dan Pengendalian Taska Dan Pusat Jagaan di Negeri Pulau Pinang untuk memudah cara pengusaha TASKA dan Pusat Jagaan mendapatkan maklumat mengenai kriteria-kriteria yang perlu dipatuhi untuk menjalankan operasi secara sah sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Pihak Berkuasa Tempatan selaras dengan visi Penang2030 untuk memperkuuh sistem penjagaan dan kebajikan di negeri Pulau Pinang.

Selaras dengan visi Penang2030, Kerajaan Negeri berpendirian bahawa tadbir urus pengoperasian TASKA dan Pusat Jagaan hendaklah sentiasa memberi keutamaan kepada perlindungan dan kebajikan mereka yang mendapatkan perkhidmatan jagaan yang berasaskan pengurusan selamat.

Sehubungan itu, atas prinsip *ease of doing business*, Kerajaan Negeri membangunkan garis panduan ini sebagai inisiatif untuk membantu penyedia perkhidmatan berhubung kepentingan kepada apa-apa proses perundangan berhubung pengoperasian yang boleh diimbangi dengan kos-kos pengurusan yang perlu ditanggung, dengan apa-apa penjimatan yang boleh diusahakan melalui kerjasama semua agensi kerajaan yang berhubungan dengan pelesenan, kebenaran dan pengoperasian perkhidmatan jagaan tersebut.